

SULIT



**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2020

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Jun

2 $\frac{1}{4}$ jam

1103/1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah]



Bahagian A**[30 markah]****[Masa dicadangkan : 45 minit]**


Maklumat di bawah menunjukkan sebahagian daripada kebaikan menyertai sukan air.

Huraikan pendapat anda tentang kebaikan-kebaikan menyertai sukan air.

Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

**Luncur Jet (Jet Ski)****Kayak****KEBAIKAN-KEBAIKAN
MENYERTAI SUKAN AIR**

- Menyihatkan badan
- Membentuk disiplin diri
- Memupuk semangat kerjasama

**Perahu Layar****Polo Air**

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Pengalaman bekerja sementara ketika menunggu keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia memberikan banyak faedah.
Bincangkan.
- 2 Anda ingin menyertai pertandingan syarahan. Tajuk syarahan tersebut ialah ‘Kepentingan Sains dan Teknologi dalam Kehidupan Manusia’.
Tulis teks syarahan tersebut selengkapnya.
- 3 Industri pelancongan mampu menyumbang pelbagai kebaikan kepada masyarakat dan negara.
Huraikan kebaikan-kebaikan tersebut.
- 4 Negara-negara di dunia perlu menghulurkan pelbagai bantuan kepada negara-negara yang mengalami masalah seperti perang, kemiskinan dan bencana alam.
Bincangkan bentuk-bentuk bantuan yang sesuai diberikan kepada negara-negara yang mengalami masalah tersebut.
- 5 Minat murid terhadap karya sastera boleh disemai melalui pelbagai aktiviti.
Jelaskan aktiviti-aktiviti tersebut.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2020

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Jun

2 $\frac{1}{2}$ jam

1103/2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah]



1 1 0 3 / 2 - 1

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang persiapan-persiapan untuk menghadapi peperiksaan dan tujuan-tujuan seseorang mengambil peperiksaan. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Peperiksaan secara umumnya dapat ditakrifkan sebagai satu cara untuk mengukur keupayaan dan kemampuan seseorang terhadap sesuatu yang dipelajari. Proses penilaian melalui peperiksaan merupakan isu yang menarik untuk diperkatakan. Sebelum menghadapi peperiksaan, pelbagai persiapan perlu dilakukan agar kita mampu menjawab soalan dengan baik untuk mendapat keputusan yang cemerlang. Antaranya, kita perlu menyediakan jadual waktu pembelajaran persendirian yang sistematik agar kita dapat mendisiplinkan diri dan membina keyakinan bahawa kita berada pada landasan yang betul dengan syarat jadual tersebut dipatuhi.

Kita hendaklah fokus terhadap subjek, topik dan kemahiran yang perlu diberikan penekanan agar kita tidak panik dan tergesa-gesa pada saat akhir. Hal yang demikian membolehkan kita mengulang kaji pelajaran dengan teknik dan masa yang sesuai serta dapat belajar dalam suasana yang tenang kerana ketenangan semasa belajar sangat diperlukan. Jadi, persediaan awal yang dilakukan dapat membantu kita memahami dan menguasai subjek, topik dan kemahiran tersebut. Amalan pengurusan masa yang efisien seharusnya dititikberatkan dalam persiapan menghadapi peperiksaan. Dengan memanfaatkan masa melalui aktiviti pembelajaran yang berterusan, kita dapat mengutamakan perkara yang penting dan mengetepikan soal lain yang kurang atau tidak penting.

Ketika peperiksaan semakin hampir, kita seharusnya mengambil berat tentang penjagaan kesihatan diri. Usahlah dipandang remeh soal kesihatan diri kerana kita perlu sedar bahawa tanpa kesihatan yang baik, kita sukar untuk mengulang kaji pelajaran dan melakukan latihan-latihan secara intensif. Selain itu, pengambilan makanan berzat dan makanan tambahan seperti madu lebah, kurma dan kismis juga boleh diamalkan kerana amalan tersebut bukan sahaja baik untuk kesihatan dan perkembangan intelektual malahan dikatakan dapat menguatkan daya ingatan. Kita juga perlu mengelakkan gangguan perasaan dan fikiran yang boleh menjelaskan tumpuan terhadap peperiksaan, misalnya terjerumus dalam kemelut dan konflik seperti pertengkaran dan berprasangka buruk terhadap orang lain. Sekiranya kita memerlukan suntikan motivasi dan kaunseling, kita hendaklah mendapatkan khidmat nasihat daripada orang yang lebih berpengalaman dan berilmu kerana bimbingan dan kata-kata perangsang daripada mereka dapat menyemarakkan semangat ingin terus berusaha untuk *merealisasikan impian* kita.

Amalan kerohanian seperti berdoa dan bertawakal setelah berusaha perlu diperbanyak agar dapat memberikan ketenangan kepada jiwa untuk menghadapi peperiksaan. Sesungguhnya, tiada kejayaan yang diperoleh tanpa usaha, bak kata pepatah ‘yang bulat tak akan datang bergolek, yang pipih tak akan datang melayang’. Oleh itu, melangkahlah ke dewan peperiksaan dengan semangat yang tinggi dan sentiasa berfikiran positif.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Tenang Menghadapi Peperiksaan’
oleh Azhar Salleh
Dewan Siswa, September 2015

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *merealisasikan impian*. [2 markah]
- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa kebaikan apabila kita melakukan persiapan untuk menghadapi peperiksaan.
Nyatakan kebaikan-kebaikan tersebut. [3 markah]
- (iii) Belajar secara berkumpulan memberikan banyak manfaat dalam persediaan menghadapi peperiksaan.
Jelaskan manfaat-manfaat tersebut. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

AZMIR: (*Menunjukkan tanda nama yang tersemat pada bajunya*).

PAK HAJI: (*Sambil merenung tanda nama*). Apa namanya ni? Pak Haji kurang jelas pulak.

AZMIR: W. A. Domski.

PAK HAJI: Nama apa tu, Azmir? Pak Haji rasa pelik benar bunyinya tu. Rasa-rasa Pak Haji, macam bukan nama orang sini saja.

AZMIR: Memang betul. Itu nama Orang Putih. Itu bermakna saya bukan orang Melayu lagi.

PAK HAJI : (*Menggeleng*). Habis ...?

AZMIR: (*Tersenyum sinis*). Apa yang habis?

PAK HAJI : Astaghfirullah, Azmir. Azmir, mengucaplah banyak-banyak. Mengapa sampai jadi macam ni, Azmir?

AZMIR: Itu hak saya. Tapi saya buat begitu bukan tanpa sebab. Saya bertindak demikian kerana dalam masyarakat di sini sudah tidak ada kasih sayang. Kasih sayang hanya wujud di bibir saja. Hanya wujud pada nama saja. Nama saja tidak membawa makna apa-apa. Yang penting ialah praktiknya yang diiringi dengan hati nurani yang bersih dan suci. Apa, Pak Haji memiliki apa-apa yang saya sebut sebentar tadi tu? Saya ragui Pak Haji memilikinya.

PAK HAJI: Azmir, mengucap Azmir.

AZMIR: Apa? Pak Haji fikir saya sebodoh itu? Tak tahu mengucap? Saya sudah mengucap lama dahulu. Pak Haji jangan hendak membodohkan saya. Saya bukan tidak percaya kepada Tuhan. Saya cuma tidak percaya kepada manusia.

Dipetik daripada drama ‘Bukan Gila’
oleh Sharif Shaary
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Mengapakah Azmir menukarkan namanya kepada W. A. Domski? [2 markah]
- (ii) Sebagai manusia, kita pastinya tidak mahu orang memandang rendah terhadap kita. Pada pendapat anda, apakah yang perlu dilakukan untuk mengelakkan diri kita daripada dipandang rendah oleh orang lain? [3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** perwatakan Azmir yang terdapat dalam petikan drama di atas dan **satu** perwatakan Azmir yang lain daripada keseluruhan drama yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Hatta beberapa hari maka segala orang kaya-kaya dan saudagar itu pun habis kecurian; syahadan semuanya datang menghadap raja. Maka raja pun tiada terkata-kata lagi.

Maka sembah Laksamana, “Pada firasat patik, pada malam itu datang pula penjurit itu ke istana kita ini.”

Maka titah raja, “Apa bicara kita supaya penjurit itu tiada beroleh masuk ke istana ini?”

Maka sembah Laksamana, “Daulat tuanku, ada suatu perbuatan; hikmat itu daripada penjurit yang tahu patik peroleh.”

Maka titah baginda, “Segeralah perbuat, kekasihku Laksamana, hikmat itu.”

Maka sembah Laksamana, “Ya tuanku, pada malam ini lepaskanlah patik pergi berkawal, tiada jauh.”

Maka baginda bertitah, “Baiklah.”

Maka Laksamana pun menyuruh membawa segala senjata yang banyak-banyak itu, lembing dan tombak dan kayu. Maka diatur oleh Laksamana berkeliling istana itu. Maka dibubuhnya suatu hikmat, radak-meradak dan tetak-menetak sama sendirinya dan kayu itu pun palu-memalu, *terlalu gemuruh* bunyinya.

Maka hari pun malamlah. Maka Laksamana pun memakai serba hitam lalu berjalan. Maka Kertala Sari pun masuklah. Maka dilihat oleh Laksamana seorang penjurit; maka Laksamana pun berselindung pada suatu tempat. Maka Kertala Sari pun menyimpang pada tempat yang lain masuk mencuri.

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud rangkai kata *terlalu gemuruh*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Laksamana untuk memastikan penjurit tidak dapat memasuki istana. [3 markah]
- (iii) Bidang ketenteraan memainkan peranan penting dalam aspek pertahanan sesebuah negara.

Berikan pendapat anda tentang cara-cara untuk menarik minat remaja menceburti bidang ketenteraan. [3 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2(d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Erti Hidup Bererti

Aku selalu didatangi
malam sepi
bagai kalung
yang melingkari leherku
tidak berubah keesokan hari
siapa yang akan datang menjengukku
keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik
kehijauan rumput
hanya menjadi bayangan
di penjuru ruang zaman
cinta dalam rahim dilupai
dari sulung ditendang ke bongsu
dari angah ditendang ke sulung balik
kucari erti hidup
menderita mengerang sakit
berdiri tanpa ruang.

Aku bagi mereka
tiada makna
anakku bakaku
baik setia mahupun derhaka
semoga disirami benih keinsafan
menjadi penawar dalam hati
embun cinta atasi angin dingin
jangan terpegun
ada yang mati
ada yang hidup
tiada yang kekal kecuali Tuhan.

Teo Wei Sing
'Suara Anak Pahang', 2009
Pekan Ilmu Sdn. Bhd.
dalam antologi *SejadaH Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan rangkap **ketiga** sajak, nyatakan harapan-harapan penyajak. [2 markah]
- (ii) Ibu bapa banyak berkorban demi kebahagiaan sesebuah keluarga, namun terdapat anak-anak yang mengabaikan tanggungjawab terhadap ibu bapa mereka.
Sebagai seorang anak, apakah perkara-perkara yang perlu anda lakukan untuk memastikan kehidupan ibu bapa anda tidak terabai? [3 markah]
- (iii) Selain nilai menghargai jasa, huraikan **dua** nilai murni yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**[30 markah]****Jawab semua soalan.**

- (a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) jelajah
- (ii) telapak
- (iii) cerucuk
- (iv) seruling
- (v) gemilang
- (vi) semerbak

[6 markah]

- (b) Tukar ayat aktif di bawah kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Golongan remaja harus mengenal pasti bidang pekerjaan yang sesuai dengan minat dan kelayakan mereka.
- (ii) Jawatankuasa induk telah menyusun atur program anak angkat di Kampung Indah semasa cuti sekolah nanti.
- (iii) Kita boleh menjadikan kegiatan bersukan sebagai salah satu wadah perpaduan dalam kalangan masyarakat.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Pakar pemakanan itu terangkan bahawa pengambilan makanan berserat tinggi dapat menurunkan kadar kolestrol dalam darah.
- (ii) Pengetua sekolah itu telah membuka peluang kepada murid tingkatan empat untuk memilih matapelajaran elektif selepas mereka dijalankan ujian psikometrik.
- (iii) Makalah dan akhbar seperti Al-Imam dan Warta Malaya telah menjadi lidah para perjuangan kemerdekaan untuk menyampaikan idealogi politik.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Para pengunjung dapat menikmati beraneka kuih-muih yang dihidangkan semasa pelancaran fasa baharu Taman Cempaka oleh syarikat pembina perumahan itu.
- (ii) Berdasarkan kajian Jabatan Keselamatan Jalan Raya, di antara faktor berlakunya kemalangan jalan raya disebabkan oleh kelemahan pengguna jalan raya.
- (iii) Jabatan Perhilitan akan menjalankan penyelidikan untuk mendapatkan makluman tentang kepupusan berapa jenis burung di negara kita dalam tempoh dua tahun.

[6 markah]

(e) Baca dialog di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan **tiga** peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam dialog tersebut.

Amir: Betulkah berita yang saya dengar tentang kumpulan kamu telah terpilih untuk mewakili negara kita ke pertandingan inovasi sains yang akan diadakan di negara Jepun bulan hadapan?

Muthu: Betul Amir, berkat usaha saya bersama-sama kumpulan yang tidak mengenal erti penat dan jemu akhirnya kami berpeluang juga mewakili negara ke Jepun.

Ah Ming: Tahniah Muthu, hebat kamu! Nasihat saya, apabila kamu berada di sana nanti jagalah diri dan janganlah somborg. Jaga tingkah laku kamu agar diri kamu sentiasa dihormati oleh peserta-peserta lain.

Muthu: Terima kasih Amir, terima kasih Ah Ming.

[6 markah]

Lihat halaman sebelah

Soalan 4 : Novel*[15 markah]*

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib
 - (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
 - (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Rohaini Matdarin
 - (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
 - (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
 - (vi) Tirani karya Beb Sabariah
 - (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
 - (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman
- (a) Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, jelaskan **dua** pengajaran yang terdapat dalam novel tersebut. *[7 markah]*
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji,uraikan **satu** persoalan tentang keberanian yang terdapat dalam setiap novel tersebut. *[8 markah]*

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT